

Bab 2

Persekitaran Ekonomi yang Berubah-ubah



- | | |
|--|----|
| 1. Pertumbuhan Global yang Lebih Perlahan | 20 |
| 2. Daya Tahan Ekonomi Malaysia Semakin Meningkat | 24 |



Berikutan krisis kewangan yang melanda beberapa ekonomi maju, pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2008 dijangka lebih sederhana, memandangkan pertumbuhan kebanyakan ekonomi dijangka kian perlahan berbanding dengan tahun 2007. Malaysia yang mempunyai asas-asas ekonomi yang kukuh dan sektor ekonomi yang pelbagai dijangka berupaya menghadapi kemelut ini memandangkan harga komoditi yang tinggi dan perdagangan antara rantau yang lebih pesat akan dapat membantu mengekalkan pertumbuhan. Ekonomi negara turut berdepan dengan inflasi akibat kenaikan harga bahan api dan makanan. Untuk membantu PKS mengambil peluang daripada persekitaran ekonomi dalam negeri dan luar negara yang berubah-ubah, Kerajaan akan memberi tumpuan pada program yang meningkatkan daya saing PKS.

1. Pertumbuhan Global yang Lebih Perlahan

Ekonomi global berkembang 4.7% pada tahun 2007, rendah sedikit daripada kadar pertumbuhan 4.9% yang dicatat pada tahun 2006. Pertumbuhan memberangsangkan ekonomi sedang pesat membangun dan pertumbuhan mengatasi trend kebanyakan ekonomi perindustrian, telah sedikit sebanyak membantu mengimbangi kesan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat (AS), kenaikan harga minyak, dan kegawatan pasaran kewangan.




Kemerosotan pasaran perumahan AS, kemelut pasaran kewangan, dan kenaikan mendadak harga minyak dan komoditi lain menjadi fenomena utama bagi ekonomi global pada tahun 2007. Kemelut ini menjadi lebih meluas kerana kejatuhan sektor gadai janji subprima AS mula menular pada separuh kedua tahun 2007. Walaupun pertumbuhan kebanyakan ekonomi perindustrian mengatasi trend pada tahun 2007, beberapa tanda kelemahan mula muncul dalam ekonomi tersebut pada separuh tahun kedua. Di Eropah, termasuk United Kingdom (UK), indeks perniagaan dan keyakinan pengguna menurun apabila masalah subprima AS mencetuskan keadaan kredit yang lebih ketat dan pasaran perumahan yang lebih lembap di beberapa buah ekonomi Eropah. Di Jepun pula, pelaburan perumahan nyata dipengaruhi piawai bangunan yang lebih ketat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa terhadap industri pembinaan.

Berbeza dengan trend yang sederhana di ekonomi maju, ekonomi sedang pesat membangun mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2007. Republik Rakyat China (RR China), India, Brazil dan Rusia meningkatkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan global, didorong oleh penggunaan yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang meningkat. Permintaan dalam negeri di rantau Asia nyata menggalakkan, dengan itu telah lebih daripada mengimbangi kemerosotan permintaan luaran ekor pelarasan dalam kitaran elektronik global serta perkembangan di AS. Permintaan dalam negeri terus kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, harga komoditi yang meningkat dan juga perbelanjaan infrastruktur yang bertambah.

Tekanan Inflasi Akibat Kenaikan Harga Komoditi


Pertumbuhan global yang pesat yang berlanjutan sejak tahun 2003, telah menimbulkan tekanan terhadap penggunaan sumber dan mengakibatkan kenaikan harga komoditi. Harga minyak melonjak ke paras tertinggi dan ini turut menyumbang kepada kenaikan harga makanan disebabkan oleh bertambahnya permintaan terhadap pengganti bagi bahan api konvensional, termasuk tenaga boleh diperbaharui seperti biodiesel dan etanol. Keadaan cuaca yang buruk turut menyebabkan kenaikan harga makanan. Harga komoditi dijangka terus tinggi pada masa akan datang disebabkan oleh pertumbuhan permintaan yang mapan, kekangan bekalan, serta kemunculan komoditi sebagai kelas aset yang semakin penting dalam mempelbagaian pelaburan. Oleh itu, inflasi global dan serantau dijangka terus tinggi pada tahun 2008 akibat daripada kesan susulan kenaikan harga pada tahun 2007 dan jangkaan bahawa harga minyak dan makanan akan terus meningkat.

Harga Minyak Mentah: 1-bulan WTI



Sumber: Bloomberg

Indeks Komoditi S&P Goldman Sachs



Sumber: Bloomberg



Persekitaran Luaran Dijangka Menjadi Sederhana

Dengan menularnya krisis kewangan yang berpunca dari AS pada tahun 2007, persekitaran luaran mungkin terus menjadi sederhana pada tahun 2008. Krisis tersebut meningkatkan ketidakpastian dan pengelakan risiko dalam pasaran kewangan, manakala masalah kecairan skala besar dan kekangan yang menyusul terhadap keadaan kredit telah mengakibatkan kejatuhan harga aset. Namun, sejauh mana perkembangan ini menjejaskan ekonomi global masih belum diketahui, kerana ia banyak bergantung pada tempoh dan tahap kelembapan ekonomi AS. Pada masa yang sama, tekanan inflasi global turut meningkat disebabkan harga tenaga dan makanan yang tinggi. Lantas, permintaan dalam negeri mungkin menjadi lembap pada masa hadapan. Dengan mengambil kira kesemua faktor ini, pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2008.


Kesan yang Kurang Ketara Terhadap Ekonomi Asia

Walaupun ekonomi Asia pasti terjejas oleh perkembangan dalam ekonomi perindustrian utama, persekitaran luaran yang lembap telah sedikit sebanyak diimbangi oleh pertumbuhan RR China dan India yang secara relatif tinggi, pelaburan infrastruktur yang berterusan, serta sokongan harga komoditi yang tinggi bagi negara pengeksport komoditi. Selain itu, permintaan dalam negeri terus kukuh memandangkan keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan, harga komoditi yang terus meningkat, serta perbelanjaan infrastruktur yang bertambah. Pertumbuhan serantau akan turut disokong oleh aktiviti perdagangan antara rantau yang lebih giat.

Harga komoditi secara relatif dijangka terus tinggi lantas menguatkan pemangkin bagi pertumbuhan negara pengeluar komoditi. Industri separa konduktor global dijangka pulih sedikit ekoran peningkatan permintaan pengguna terhadap barangan elektronik yang lazimnya berlaku pada tahun berlangsungnya Sukan Olimpik. Pelaksanaan projek infrastruktur merentas rantau menambah sokongan terhadap aktiviti pelaburan, manakala langkah-langkah fiskal yang diambil oleh pihak berkuasa serantau, seperti subsidi tunai bersasaran, potongan cukai, serta pengurangan tarif import akan sedikit sebanyak mengurangkan kesan harga pengguna yang lebih tinggi pada tahun 2008.

Momentum pertumbuhan pesat ekonomi utama di rantau ini seperti RR China dan India juga dijangka menyokong pengembangan perdagangan serantau. Perdagangan dalam kalangan ekonomi Asia melonjak naik dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan pengembangan permintaan dalam negeri di rantau ini turut memperluas pasaran keseluruhan rantau ini. Ini meningkatkan prospek perdagangan antara rantau yang saling memperkukuh.

Bahagian eksport kepada negara serantau, %



Sumber: IFS, WTA

Walaupun rantau Asia mempunyai hubungan yang kukuh dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa, kepentingan permintaan dalam negeri dan pengukuhan integrasi ekonomi serantau telah mengurangkan implikasi perkembangan luaran terhadap rantau ini. Oleh itu, faktor-faktor tersebut sedikit sebanyak mengurangkan kesan limpahan akibat daripada persekitaran luaran yang lebih lembap, memandangkan rantau ini tidak terlindung sepenuhnya.




2. Daya Tahan Ekonomi Malaysia Semakin Meningkat

Sebagai ekonomi yang terbuka, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi global. Namun, Malaysia berada pada kedudukan yang teguh tatkala memasuki tempoh ketidakpastian global yang memuncak, ekoran pertumbuhan kukuh ekonomi selama tiga tahun berturut-turut. Kualiti pertumbuhan juga meningkat - menjadi lebih seimbang antara sumber pertumbuhan di dalam dan luar negeri, serta merentas sektor ekonomi yang berbeza-beza.

Kemunculan permintaan dalam negeri sebagai pemacu utama pertumbuhan sedikit sebanyak dijangka membantu Malaysia menangani kelembapan permintaan luar negara. Walaupun permintaan dalam negeri mungkin sederhana sedikit pada separuh kedua tahun 2008, berikutan penstrukturan semula subsidi dan langkah-langkah berkaitan, ia mungkin diimbangi sebahagiannya oleh kedudukan luaran yang kukuh dan pelaburan oleh Kerajaan. Eksport Malaysia adalah pelbagai, dengan hampir 54% daripada jumlah eksportnya pada tahun 2007 menjurus arah ekonomi Asia (tidak termasuk Jepun) berbanding dengan 46% pada tahun 2001. Malaysia sebagai pengeluar komoditi, juga terus mendapat manfaat daripada kenaikan harga minyak mentah, minyak sawit dan getah. Asas sektor komoditi yang teguh akan memperkukuh hubungan dengan aktiviti hiliran, termasuk industri berasaskan sumber.


Sektor luaran masih berperanan penting dalam KDNK Malaysia. Sektor eksport menyumbang lebih 94% kepada KDNK pada tahun 2007, manakala sumbangan import pula sebanyak 79%. Persekitaran luaran yang semakin lembap menyaranakan bahawa pertumbuhan eksport mungkin lebih sederhana pada tahun 2008 disebabkan oleh pertumbuhan permintaan global yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, Malaysia telah mempelbagaikan pasaran eksportnya dengan jumlah eksport ke AS menurun kepada 15.6% pada tahun 2007, manakala perdagangannya dengan negara Asia dan ekonomi sedang membangun lain kian meningkat. Oleh itu, jangkaan eksport yang lebih rendah ke AS, dan juga penurunan eksport yang lebih kecil ke Eropah dan Jepun, akan diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan eksport ke Asia dan pasaran sedang pesat membangun lain, iaitu pasaran-pasaran yang dijangka mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Destinasi Eksport (% bahagian)



¹ Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

² Hong Kong SAR, Korea Selatan dan China Taipei



Sumber: Bank Negara Malaysia Laporan Tahunan 2007

Peluang Dan Cabaran Baharu Bagi PKS

Persekitaran semasa membawa cabaran baharu buat PKS. PKS yang meningkatkan daya saing dan mengatur strategi untuk fokus perniagaan mereka akan berada pada kedudukan yang baik untuk menukar strategi mengikut persekitaran ekonomi yang berubah-ubah, baik di dalam mahupun di luar negara.

Bagi mengurangkan kesan kelembapan permintaan AS terhadap eksport Malaysia, peluang baharu perlu dicari dalam pasaran serantau dan pasaran sedang pesat membangun lain seperti RR China, India, Amerika Selatan dan Timur Tengah. Pertumbuhan dalam kesemua pasaran tersebut dijangka berpunca daripada industri berasaskan dalam negeri dan berorientasikan sumber, dan PKS dalam aktiviti hiliran dan hulu yang berkaitan, berpotensi meraih manfaat daripada trend ini.

PKS yang berjaya meningkatkan produktiviti dan daya saing serta membangunkan produk dan perkhidmatan baharu akan dapat menangani trend kenaikan harga ini dengan lebih baik



Dari perspektif dalam negeri, tumpuan dasar monetari pada tahun 2008 adalah untuk meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi di samping mengekalkan kestabilan harga dalam jangka masa pertengahan. Belanjawan tahun 2008 menggariskan langkah percukaian dan bukan cukai yang meluas bagi meningkatkan daya saing negara, mengukuhkan pembangunan modal insan, dan memastikan kesejahteraan semua rakyat Malaysia terpelihara. Dasar fiskal pada tahun 2008 turut menumpukan pada mempercepat pelaksanaan projek dan program yang dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Berdasarkan keutamaan tinggi yang diberikan terhadap pembangunan PKS di negara ini, strategi utama bagi pembangunan PKS digariskan di bawah RMKe-9 dan IMP3. Di samping itu, bagi membantu PKS bersedia dan berupaya merebut peluang daripada jangkaan trend ekonomi utama pada tahun 2008, pelbagai program Kerajaan disediakan untuk membantu PKS meningkatkan daya saing mereka dengan mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan mereka, memperkukuh infrastruktur yang menyokong dan meluaskan akses pembiayaan bagi PKS.

Pada tahun 2008, sebanyak 37 program akan disediakan untuk membolehkan PKS mendapat akses kepada pasaran tempatan dan antarabangsa melalui peruntukan pinjaman, geran dan program bantuan lain bernilai RM118 juta. Pelbagai program juga dilaksanakan untuk menggalakkan penyertaan dan meningkatkan daya saing PKS dalam sektor komoditi dengan penggunaan teknologi, dan juga latihan dalam sektor berasaskan getah, minyak sawit dan kayu melalui kursus latihan dan seminar. Program pengembangan pasaran yang membantu PKS menjalin hubungan dengan syarikat besar, syarikat berkaitan Kerajaan dan pasar raya besar, juga akan diteruskan pada tahun 2008. Langkah-langkah ini dapat membantu PKS mewujudkan peluang pemasaran dan rangkaian hubungan. Pameran seperti SMIDEX 2008, Konvensyen PKS, dan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) juga dirancang bagi tahun 2008 untuk memberi peluang kepada PKS mempamerkan produk dan meningkatkan penembusan pasaran mereka.

PKS perlu bersedia menyahut cabaran, iaitu mempunyai keupayaan, kapasiti dan kefleksibelan untuk memenuhi corak permintaan yang berubah-ubah di dalam dan di luar negara, serta menghadapi persaingan daripada firma serantau. Kenaikan harga bahan api dan bahan mentah lain turut merupakan trend ekonomi utama yang mempengaruhi PKS Malaysia pada tahun 2008. PKS yang berjaya meningkatkan produktiviti dan daya saing serta membangunkan produk dan perkhidmatan baharu akan dapat menangani trend kenaikan harga ini dengan lebih baik. Bagi mengekalkan pertumbuhan jangka masa pertengahan, produktiviti PKS perlu dipertingkatkan, selain mereka perlu meningkatkan kedudukan dalam rantai nilai dengan menceburi bidang baharu yang mempunyai kelebihan berbanding serta menggunakan saluran penyampaian yang baharu dan lebih cekap.

Kelembapan di AS, kenaikan harga bahan api dan pengukuhan permintaan pada peringkat serantau adalah antara trend ekonomi utama yang muncul pada tahun 2008. Untuk memastikan PKS berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi persekitaran ekonomi yang berubah-ubah, baik di dalam mahupun di luar negara, pelbagai program akan dilaksanakan untuk membantu PKS meningkatkan daya saing, berkembang ke pasaran baharu, dan meningkatkan kualiti produk mereka.